

Mohd Hafizee Mohd Arop
dan Muhamad Izzat Nasuruden
am@hmetro.com.my

16 BERDENTUM

Empat mangsa dikejarkan ke hospital
angkara lori gagal tukar laluan

Tapah

“Saya terdengar bunyi dentuman kuat sebelum melihat dari cermin sisi sebuah lori tangki merempuh bas di belakang kereta saya menyebabkan saya panik.

“Saya berada di lorong kanan cuba bertukar laluan namun disebabkan jarak kenderaan begitu rapat menyebabkan kenderaan lain merempuh belakang kereta saya,” kata Sunny Phang, 22.

Sunny adalah mangsa kemalangan membabitkan 16 kenderaan termasuk sebuah tangki, dua lori dan bas ekspres di kilometer 321 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah selatan lima kilometer dari susur keluar Tapah.

Dalam kejadian jam 10.20 pagi semalam, empat mangsa cedera ringan dan dibawa ke Hospital

Tapah dan Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di Ipoh untuk rawatan.

Kemalangan itu mengakibatkan laluan lebuhraya itu ditutup sementara hingga menyebabkan kesesakan 10 kilometer sebelum laluan dibuka semula jam 12.15 tengah hari selepas kerja pengalihan dan pembersihan selesai dijalankan.

Sunny yang memandu kereta Honda Civic berkata, dia bersama dua rakannya dalam perjalanan ke Prog-



Harian Metro
10/11/16
MIS 4

FAKTA
Empat mangsa
cedera ringan
dibawa
ke Hospital Tapah
dan HRPB untuk
rawatan

KEADAAN kereta yang terabit kemalangan
di Kilometer 321 Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan.

ram Karnival Kerjaya di Putrajaya dan disebabkan kemalangan itu mereka membatalkan hasrat ke program itu kerana merusakan keretanya yang rosak teruk.

“Selepas kenderaan kami diapit depan dan belakang, saya bersama dua rakan cepat-cepat keluar kerana takut ada kenderaan terbakar disebabkan terdapat kesan tumpahan minyak.

“Kereta saya macam saradin apabila depan belakang hancur, saya bersyukur kerana hanya luka kecil di siku

manakala rakan tidak cedera,” katanya yang ditemui di lokasi kejadian.

Seorang lagi mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Simon Ng berkata, dia yang memandu kereta Nissan Almera terkejut apabila kenderaan di belakangnya merempuh antara satu sama lain sebelum keretanya juga terabit.

“Waktu itu saya sudah fikir macam-macam kerana takut berlaku kejadian tidak diingini. Walaupun kereta habis rosak depan belakang namun bersyukur kerana selamat,” katanya.

Lori tak sempat memotong

Tapah: Hasil siasatan awal polis mendapati kemalangan membabitkan 16 kenderaan di kilometer 321 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) arah selatan, lima kilometer dari susur masuk Tapah itu dipercayai berpunca daripada lori tangki yang gagal masuk dari lorong kiri ke kanan.

Ketua Polis Daerah Tapah, Superintendan Som Sak Din Keliaw berkata, ketika kejadian, terdapat kerja pembaikan jalan di lokasi berkenaan menyebabkan semua kenderaan bergerak perlahan sebelum lori tangki terabit cuba bertukar laluan dari kiri ke kanan.

“Lori terabit tidak lepas memotong ketika menukar laluan menyebabkannya

melanggar bahagian belakang sebelah kanan bas ekspres sebelum menggelongsor mengakibatkan 14 kenderaan lain melanggar satu sama lain.

“Tiga mangsa yang cedera dibawa ke Hospital Tapah manakala pemandu lori turut mengalami kecederaan dan dibawa ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di Ipoh untuk rawatan.

“Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 43 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987,” katanya.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro ketika dalam perjalanan ke lokasi kejadian mendapati terdapat kenderaan menggunakan lorong kecemasan hingga menghalang laluan ambulans untuk sampai ke lokasi kemalangan.